



UNIVERSITI
MALAYA



• KOLEJ KEDIAMAN TUANKU
•
ABDUL RAHMAN (ASTAR) •

E-BUKU PANDUAN
SESI 2022/2023



@astar_um



@astar_um



ASTAR UM



ASTAR UM

SEJARAH KOLEJ KEDIAMAN PERTAMA

Kolej Kediaman pertama merupakan kolej kediaman yang tertua sekali di Universiti Malaya. Ia dibina pada tahun 1959 dan terdiri daripada tiga buah blok iaitu Blok A, B dan C. Kumpulan pertama yang menginap di kolej ini hanya seramai 28 orang sahaja dan angka ini terus meningkat dari semasa ke semasa. Penghuninya ketika itu terdiri daripada mahasiswa tahun 3 Fakulti Sastera dan Kejuruteraan yang telah dipindahkan daripada Universiti Malaya cawangan Singapura. Dengan bertambahnya bilangan mahasiswa di Universiti Malaya ini dan bagi memenuhi keperluan tempat penginapan, maka pada tahun 1971, dua blok tambahan iaitu Blok D dan E telah dibina.

Kolej ini pada mulanya dikenali sebagai Kolej Pertama (First Residential College) kerana ia merupakan kolej yang mula-mula didirikan di kampus ini. Ia kemudiannya ditukar kepada nama Kolej Tuanku Abdul Rahman (KTAR) sempena nama D.Y.M.M Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung iaitu Tuanku Abdul Rahman Ibni Almarhum Tuanku Muhammad. Pada tahun 1978, KTAR telah ditukar namanya kepada Asrama Tuanku Abdul Rahman (ASTAR). Kini, kolej ini juga dikenali sebagai Kolej Kediaman Pertama.

Semasa awal tahun 60-an, kegiatan kolej ini telah ditadbir oleh JCRC (JUNIOR COMMON ROOM COMMITTEE) yang kemudiannya digantikan oleh MBA (MAJLIS BERMESYUARAT ASRAMA) pada tahun 1975. MBA dimansuhkan dan digantikan dengan JIA (JAWATANKUASA INDUK ASRAMA) dan JTA (JAWATANKUASA TINDAKAN ASRAMA). Di bawah pentadbiran JTA, terdapat enam JKP (JAWATANKUASA PERKEMBANGAN) iaitu Kemasyarakatan, Perkhidmatan Kolej, Akademik, Kreatif, Sukan serta Kerohanian dan Adab Sopan.

Sehingga kini, terdapat perubahan nama pada kedua-dua pentadbiran kegiatan di kolej ini. Perkataan ASRAMA pada JIA dan JTA telah digantikan oleh KOLEJ iaitu JIK (Jawatankuasa Induk Kolej) dan JTK (Jawatankuasa Tindakan Kolej) yang bersamaan dengan fungsinya. Ketika itu, lima JKP yang sedia ada tetap dikekalkan tetapi diubah nama kepada Kebajikan & Kemasyarakatan, Akademik & Intelektual, Kesenian & Kreativiti, Sukan & Rekreasi serta Kerohanian & Perpaduan.

LAGU KOLEJ KEDIAMAN PERTAMA

Kembangkan Sayap
Semangatmu Biar Terbang
Melayang Ke Seluruh Angkasa
Menjadi Juara Untuk
Selama – Lama
Berjaya Menjulangkan Nama
Biar Beribu Halangan
Cabarán Mendatang
Tak Usah Gentar Hadapi Segala Usah Tunduk Pada Semua
Angkara Kitalah Yang Menentukan
Kemenangan...

Kolej Pertama
Terbilang Di Mana-Mana
Bukan Sekadar Impian
Bukan Sekadar Mainan
Kejayaan Kan Jadi Milik Kita
Di Dalam Genggaman
Menjadi Juara...
Berusaha...

Capailah Ke Langit Yang Tertinggi Kuatkan Jati Diri
Bangkit Dan Bersuara
Jangan Pernah Mengalah
Jangan Pernah Putus Asa
Kitalah Juara
Teruskan Bersama -Sama
Kolej Pertama


Lagu Dan Lirik: Ikhwan Zakaria

BLOK-BLOK DAN BILIK-BILIK DI KOLEJ KEDIAMAN PERTAMA

Secara keseluruhan, terdapat lima buah blok di Kolej Kediaman Pertama iaitu Blok A, Blok B, Blok C, Blok D dan Blok E. Blok A dan D merupakan tempat kediaman bagi penghuni lelaki manakala penghuni perempuan ditempatkan di Blok B, C dan E.

Setiap bilik dilengkapi dengan katil, tilam, kerusi, meja belajar dan almari untuk memberi kemudahan dan keselesaan kepada penghuni kolej. Setiap aras di blok-blok juga mempunyai tandas dan bilik mandi. Terdapat juga pelbagai bilik khas dan fasiliti lain yang disediakan di kolej ini termasuklah ruang solat, ruang belajar, stor sukan, bilik VIP, bilik kostum, bilik gamelan, bilik serbaguna, bilik muzik dan sebagainya. Bagi kemudahan untuk para penghuni beriadah, terdapat dua buah gelanggang iaitu gelanggang bola jaring dan gelanggang serbaguna.

PETA KOLEJ



Tarikh Kemaskini : 8/9/2022

CARTA ORGANISASI PENTADBIRAN KOLEJ KEDIAMAN PERTAMA



PENGURUS KOLEJ KEDIAMAN PERTAMA
ENCIK AMER FAEZZUDDIN AHMAD FAZAL



PENOLONG PENGURUS
ENCIK MOHD RIDHUAN BIN JUL



PENOLONG PEGAWAI TADBIR
CIK DILA MOHAMED DAN



PEMBANTU TADBIR
CIK NORSYAHIRA BINTI SYAHID TAY

BAHAGIAN PERKHIDMATAN KAUNTER



PUAN RITA BINTI YUSOF



ENCIK MOHD ROSIDI BIN ABDUL RAHMAN



PUAN ZAINAH BINTI HAMZAH



ENCIK MUKMIN BIN HJ. WAHID

FASILITI DI KOLEJ KEDIAMAN PERTAMA



Dewan Tun Perak



Bilik Mesyuarat VIP



Bilik Audio



Bilik Rawatan



Bilik Mesyuarat A



Bilik Ruang Tamu



The Cube ASTAR



Musolla ASTAR



Bilik Serbaguna



Laman Santai



Laman DE



Bilik Muzik



Kafeteria



Kedai Runcit



Tempat Letak Parcel



Pejabat Pentadbiran



Pondok Pengawal



Gelanggang Bola Jaring



Gelanggang Serbaguna



Dobi Layan Diri



Vending Machine



Bilik Kostum



Stor Sukan



Bilik Gamelan



Bank Makanan



Sudut Maklumat

ASTAR
PERTAMA SELAMANYA

PERSONA



Malam Penganugerahan ASTAR (MPA) 21/22



Para peserta La Vista Run ASTAR 21/22 berkumpul di hadapan papan tanda Kolej Kediaman Pertama



Aktiviti energizer sewaktu perkampungan PM di Dewan Tun Perak



Hari pertandingan ASCI di The Cube ASTAR



Gotong-royong di kawasan belakang Blok E



**Permainan mini sempena Fiesta Hari Terbuka yang
dijalankan di Laman DE**



Gerai-gerai jualan sempena Fiesta Hari Terbuka yang dijalankan di Laman Santai



Pemeriksaan gigi sempena Fiesta Hari Terbuka di Dewan Tun Perak



Kempen Derma Darah ASTARCaress di Dewan Tun
Perak

ASTAR
PERTAMA SELAMANYA



**03 - 7956 8922 | PENTADBIRAN
03 - 7967 6445 | KLINIK KESIHATAN UM
03 - 7967 7777 | PEJABAT KESELAMATAN**



[HTTP://WWW.UM.EDU.MY](http://WWW.UM.EDU.MY)